

Mohd Mahzan Awang (2015, Februari 4). Budayakan perniagaan beretika. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/rencana/budayakan-perniagaan-beretika-1.55761>

Mohd Mizan Aslam (2012). Etika Dalam Perniagaan dan Pencarian Menuju Integriti. *International Journal of Business and Technopreneurship*. 2 (2), 369-387.

Muzdalifah Mustapha (2015, Mac 25). Kod Etika Perniagaan Malaysia ditambahbaik. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/kod-etika-perniagaan-malaysia-ditambah-baik-1.73533>

Perpustakaan Perdana. (1991). Ketepikan ‘peribadi tidak sesuai’. Etika niaga amat penting. Capaian daripada: http://library.perdana.org.my/digital_content/prominent_leaders/mahathir/news_1968-2004/1989-1992/1991/00013739.pdf

Rafik Issa Beekun, 1998, *Etika Perniagaan Islam*. The International Institute of Islamic Thought and Thinker's Library Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Malaysia.

Rosni Masri (2015). Mahkamah sesyen khas Antipencatutan ditubuh. *Utusan Malaysia*. Capaian daripada: <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/mahkamah-sesyen-khas-antipencatutan-ditubuh-1.77311>

Rosalwani Che Soh (2014). Pergiat kesan peniaga tipu harga. *Sinar Harian*. Capaian daripada: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pergiat-kesan-peniaga-tipu-harga-1.243382>

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2013). *Laporan Tahunan 2013*. Capaian daripada: <http://www.sprm.gov.my/laporan-tahunan.html>

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2012). *Kod Etika Perniagaan Coop Mart atau Kedai Coop IMalaysia. Pemangkin Kecemerlangan Perniagaan Koperasi*. Capaian daripada: http://www.skm.gov.my/getmedia/1fe99d02-f0fd-474c-8248-2d911ef20a65/KOD-ETIKA-PERNIAGAAN-COOP-MART_1.pdf.aspx

Unit Perancangan Ekonomi (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Capaian: Ogos 31, 2015, daripada: <http://www.epu.gov.my/ninth-malaysia-plan-2006-2010>

KAJIAN AWAL PERBANDINGAN TAHAP STRES DALAM KALANGAN PELAJAR YANG MENYERTAI PASUKAN BERUNIFORM DENGAN PELAJAR YANG TIDAK MENYERTAI PASUKAN BERUNIFORM DI POLITEKNIK

Zaitun Bt. Taat¹, Sakdiah Bt. Md. Amin², Rosamiza Bt Meor Razak³

¹Jabatan Elektrik
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

²Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

³Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

tzaiton@psa.edu.my, sakdiah@psa.edu.my, rosamiza@psa.edu.my

Abstrak

Kertas konsep ini adalah kajian awal mengenai pengurusan stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform. Responden kajian ini adalah terbatas hanya kepada tiga (3) buah politeknik yang terdapat dalam Negeri Selangor iaitu Politeknik Primier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam dan Politeknik Banting. Seramai 300 pelajar diambil sebagai responden terdiri dari 3 buah pasukan beruniform yang mereka anggotai iaitu Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Pasukan Sukarelawan Siswa (RELASIS) dan Pasukan Tentera Laut Simpanan Siswa (PLAS TLDM). Punca-punca stres dilihat akibat dari kesan faktor gaya hidup, kewangan, personaliti, spiritual, peristiwa hidup dan persekitaran. Kajian ini akan mengenalpasti tahan stres yang dihadapi oleh pelajar yang terlibat secara langsung dalam pasukan beruniform dan bagaimana mereka mengadaptasi pengurusan stres tersebut. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif, dengan menggunakan perisian SPSS melalui pemerhatian dan soalselidik Maslach Burnout Inventory (MBI) yang mengandungi 22 item untuk menguji stres.

Kata kunci: Tahap stres, simptom stres dan punca stres.

1.0 Pengenalan

Dalam situasi Negara yang sedang pesat membangun, pendidikan bukan sahaja merupakan keperluan yang amat penting dikalangan generasi muda, malah ia adalah tunggang kepada kemajuan Negara (Sipon, 2001). Kegiatan Pasukan Beruniform adalah salah satu dari cabang kegiatan kurikulum elektif berkredit yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (Garis panduan Kokurikulum 2011 KPT). Kegiatan pasukan beruniform merupakan aktiviti dan pengalaman luar bilik kuliah dimana ia merupakan kesinambungan serta pengukuhan kepada aktiviti pembelajaran dalam bilik kuliah. Penglibatan aktif pelajar dalam kegiatan kurikulum dijangka akan memberi impak kepada peningkatan pencapaian pembelajaran akademik pelajar. Pendidikan seimbang seharusnya menekankan kedua-dua aspek iaitu akademik dan aktiviti kurikulum (Ghafar, 2007). Namun begitu ada kemungkinan kegiatan kurikulum memberi tekanan (stres) kepada sesetengah golongan pelajar berdasarkan kepada faktor seperti gaya hidup,

kewangan, personaliti, spiritual, peristiwa hidup dan persekitaran. Persaingan dalam lapangan kerjaya memerlukan graduan yang lulus dari pengajian tinggi bukan sahaja perlu mahir dalam bidang keilmuan yang dipelajari tetapi juga mempunyai kemahiran generik, interpersonal dan intrapersonal, atau lebih holistik dalam pelbagai bidang. Penglibatan pelajar dalam kegiatan kurikulum khususnya dalam pasukan beruniform dijangka boleh melahirkan graduan yang holistik dan berketerampilan. Bagi tujuan itu, penglibatan pelajar juga berkemungkinan boleh membantu mereka dalam menyesuaikan diri apabila berhadapan dengan tekanan atau berkemungkinan juga akan memberi tekanan yang menjurus mereka terlibat dalam kegiatan yang kurang sihat.

1.1 Pernyataan Masalah

Golongan pelajar sering menghadapi perasaan resah dan cemas serta tekanan dalam mereka menjalani kehidupan mereka sebagai pelajar. Mereka mengalami perubahan gaya hidup dari peringkat menengah kepada peringkat institut pengajian tinggi. Kenyataan ini disokong oleh Towbes, 1996 yang menyatakan pelajar universiti pada awal tahun pengajian, misalnya amat mudah terdedah kepada stress disebabkan oleh proses transisi kehidupan mereka di universiti. Peralihan pelajar dari persekitaran sekolah dengan persekitaran universiti boleh menyebabkan kejutan psikologi, akademik dan sosial kepada mereka, kerana sistem pendidikan ini mempunyai perbezaan yang besar: pelajar akan menghadapi kaedah pengajaran baru, keperluan akademik baru, jenis hubungan antara pelajar dengan fakulti dan juga hubungan baru di kalangan pelajar sendiri (M. Thawabieh & M. Qaisy, 2012).

Punca stres di kalangan pelajar dibahagikan kepada akademik, kewangan serta perkara berhubung dengan kesihatan dan masa. Tahap stres paling tinggi di kalangan pelajar adalah semasa membuat persediaan untuk peperiksaan, persaingan memperolehi gred yang baik serta perkara yang melibatkan pengurusan masa (Mahfar, Zaini, & Nordin, 2007).

Oleh kerana pengurusan masa merupakan antara punca stres di kalangan pelajar berkemungkinan tahap stress pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak terlibat dalam pasukan beruniform. Ini kerana pelajar yang memasuki pasukan beruniform perlu menghadiri aktiviti di luar waktu pelajaran yang formal. Syarat bagi pelajar yang terlibat dengan pasukan beruniform juga perlu menyertai pasukan tersebut bermula dari semester 1 hingga ke semester 6 untuk melayakkan mereka mendapat pangkat tertentu. Maka ini mungkin menyebabkan tahap stres yang berbeza antara pelajar yang menganggotai pasukan beruniform dengan yang tidak menganggotainya.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat sama ada penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform adakah membantu mereka dalam menghadapi tekanan emosi. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat adakah kesan stres yang mereka hadapi dalam penglibatan mereka dalam kegiatan pasukan beruniform membantu mereka dalam membentuk sahsiah dan keperibadian sesuai dengan kehendak falsafah pendidikan negara.

Disamping itu kajian ini juga akan melihat apakah faktor-faktor yang dihadapi oleh pelajar yang mendorong mereka mengalami tekanan yang memberi kesan buruk kepada mereka. Kajian awal ini akan dilanjutkan untuk mengkaji bagaimana pelajar mengadaptasi diri mereka dalam pasukan beruniform sehingga mereka mampu menangani tekanan dalam kehidupan mereka sebagai pelajar.

Justeru, kajian ini juga bertujuan untuk membincangkan tahap stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform, simptom stres serta cara menanganinya punca-punca stres yang dialami pelajar. Kajian ini juga diharapkan dapat mengenalpasti teknik-teknik psikologi yang ada persamaan dalam menangani masalah stres yang terdapat dalam pasukan beruniform. Pengkaji cuba mengenalpasti kaitan kecerdasan fizikal dengan kecerdasan emosi perlu selari untuk melahirkan individu yang berketerampilan.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dengan pasukan beruniform dengan pelajar yang tidak terlibat dalam pasukan beruniform.
2. Mengenal pasti tanda-tanda awal (simptom) stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dengan pasukan beruniform dengan pelajar yang tidak terlibat dalam pasukan beruniform.
3. Mengenal pasti faktor stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dengan pasukan beruniform dengan pelajar yang tidak terlibat dalam pasukan beruniform.

1.4 Persoalan kajian

1. Adakah pelajar mengalami tahap stres yang tinggi atau tendah apabila menglibatkan diri dalam pasukan uniform dan yang tidak terlibat dengan pasukan beruniform.
2. Apakah simptom-simptom yang menyebabkan stres berlaku dalam kalangan pelajar apabila melibatkan diri dalam pasukan uniform dan yang tidak terlibat dengan pasukan uniform.
3. Apakah faktor stres dalam kalangan pelajar yang terlibat dengan pasukan beruniform dengan pelajar yang tidak terlibat dalam pasukan beruniform.

1.5 Definisi Operasional

Berikut adalah definisi operasional yang menekankan kepada pembolehubah stres dan pasukan uniform agar hala tuju kajian ini lebih difahami.

1.5.1 Tekanan (Stres)

Stres dalam kalangan pelajar berpuncanya daripada kewangan, merancang masa depan, hubungan interpersonal, imej personaliti, hubungan intim, pencapaian kendiri dan menetapkan matlamat (Lee & Yum, 2005).

Stres adalah sebab daripada dorongan untuk kepuasan hidup dan jika tahap kepuasan hidup tinggi, tahap stress rendah dan sebaliknya (Qin & Piao, 2011).

Luthans (2000) mendefinisikan stres sebagai suatu tanggapan dalam menyesuaikan diri yang dipengaruhi oleh perbedaan individu dan proses psikologis, sebagai konsekuensi dari tindakan lingkungan, situasi atau peristiwa yang terlalu banyak mengadakan tuntutan psikologis dan fisis seseorang. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa stres timbul kerana tuntutan lingkungan dan tanggapan setiap individu dalam menghadapi sesuatu yang berbeza-beza.

Menurut Robbins (2001) stres juga dapat didefinisikan sebagai suatu keadaan yang menekan keadaan psiko seseorang dalam mencapai suatu kesempatan dimana untuk mencapai kesempatan tersebut terdapat batasan atau penghalang. Dan apabila pengertian stres dikaitkan dengan penelitian ini maka stres itu sendiri adalah suatu keadaan yang mempengaruhi keadaan fizik atau psiko seseorang kerana adanya tekanan dari dalam ataupun dari luar diri seseorang yang dapat mengganggu pelaksanaan kerja mereka.

Maka kajian awal ini, definisi secara operasional stres adalah kecederaan psikologi yang dialami oleh pelajar akibat dari gaya hidup, kewangan, personaliti, spiritual, peristiwa hidup dan persekitaran. Ianya juga didefinisikan sebagai tekanan emosi yang berkemungkinan berpuncanya dari penjadualan, modul latihan serta infrastruktur.

1.5.2 Pasukan Beruniform

Mengikut Warta Kerajaan bertarikh 31 Disember 1997 definisi Unit/Badan Beruniform adalah satu kumpulan yang terdiri daripada gabungan keahlian dan mempunyai dasar-dasar tertentu untuk di ikuti dan dipatuhi. Pasukan beruniform di pusat pengajian tinggi juga merupakan aktiviti ko-kurikulum. Pendidikan formal diperolehi daripada hasil pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas, manakala pendidikan tidak formal diterapkan apabila para pelajar terlibat di dalam aktiviti kokurikulum atau aktiviti luar kelas. Kenyataan ini disokong oleh Abdullah Sani Yahya (Yahya, 2005) yang menyatakan bahawa kurikulum ialah segala aktiviti kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah dan di luar waktu pelajaran formal. Di institusi pengajian tinggi terdapat beberapa pasukan badan beruniform yang ditubuhkan untuk kegiatan atau aktiviti kurikulum, disamping melatih siswa-siswi agar lebih berdisiplin, mengikut peraturan, mempunyai jati diri dan semangat cintakan negara (patriotik). Kebanyakan pasukan ini ditubuhkan di Institut Pengajian Tinggi Awam, antara pasukan yang ditubuhkan adalah Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Pasukan Sukarelawan Siswa (RELASIS) dan Pasukan Tentera Laut Simpanan Siswa (PLAS TLDM). Objektif penubuhan badan Beruniform di Institut Pengajian Tinggi adalah:

1. Menjelaskan matlamat dan tujuan badan beruniform di IPT dalam konteks kependidikan dan kepimpinan
2. Menjelaskan kaedah dan tatacara penubuhan badan beruniform
3. Menjelaskan kaedah dan tatacara pengurusan dan pengelolaan aktiviti dan kegiatan badan beruniform di IPT berdasarkan perancangan dan undang-undang
4. Membentang dan menjelaskan ciri-ciri dan nilai-nilai asas kepimpinan
5. Menjelaskan tanggungjawab dan peranan pelajar sebagai warganegara berdasarkan Rukun Negara, perlombagaan negara dan Wawasan 2020.

2.0 Kajian Keperpustakaan

Azhar M. Zain (Berita Harian, 6 Mac 2002), menyatakan bahawa 25 hingga 35 peratus pelajar dinegara ini mengalami tekanan perasaan akibat daripada bebanan pelajaran yang semakin meningkat. Menurutnya lagi sistem pendidikan yang mengutamakan kecemerlangan dalam bidang akademik menyebabkan pelajar tidak mempunyai waktu untuk berehat dan mengadakan aktiviti kegiatan selain dari kegiatan akademik. Tekanan yang kuat dari ibubapa dan pensyarah supaya menunjukkan prestasi dalam hidup. Pelajar universiti pada awal cemerlang di IPT menyebabkan pelajar menghadapi tekanan dalam hidup. Pelajar universiti pada awal tahun pengajian, misalnya amat mudah terdedah kepada stres disebabkan oleh proses transisi kehidupan mereka di universiti (Towbes, 1996).

2.1 Pelan Strategik Pendidikan Tinggi (PSPTN 2015 -2025)

Menambah baik perkembangan pembelajaran pelajar melalui aktiviti riadah melalui sasaran teras kedua PSPTN iaitu memastikan semua pelajar di IPT mendapat faedah daripada pengalaman pembelajaran berkualiti sejarah dengan keperluan individu, ekonomi dan masyarakat. Terdapat 10 lonjakan dalam Pelan Strategik Pendidikan Tinggi (PSPTN 2015 – 2025) antaranya dalam lonjakan 1 memastikan kualiti graduat merentasi dimensi jasmani, emosi, rohani dan intelek, bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia global masa kini. Maka pihak kementerian pendidikan telah cuba berusaha untuk menginstitusikan kurikulum bersepadu dan menyeluruh agar kualiti graduat adalah setanding dengan negara-negara maju.

2.2 Kajian berkaitan stres dikalangan pelajar

Kajian berkaitan tahap stres di kalangan pelajar antarabangsa yang menuntut di IPT awam dan swasta di Malaysia telah dilakukan oleh Siti Zaleha (2005). Alat *Student-life Stress Inventory (SLSI)* (Gadzella, 1991) telah ditadbirkan kepada 200 subjek pelajar antarabangsa. Keputusan ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif antara strategi daya tindak dan stres. Kajian turut mendapatkan terdapat perbezaan yang signifikan stres antara pelajar baru dan lama. Bagi pelajar sains dan sastera pula tidak menunjukkan perbezaan stres.

Kajian oleh Ooi Yoon Phaik (2002) yang bertujuan mengetahui punca stres di kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia), Fakulti Kimia dan Kejuruteraan Sumber Asli dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pendidikan (Kimia), Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran merupakan penyumbang utama stres pelajar berbanding faktor akademik, kewangan, keluarga, sosial dan intrapersonal. Tahap tekanan keseluruhan pelajar juga adalah rendah dan pada tahap kebimbangan yang sederhana.

Manakala oleh Chai Ming Seng *et al.* (2004) bertujuan mengenalpasti tahap stres di sebuah kolej di Malaysia semasa pengajian semester 2003/04. Alat ukur *Self Report Inventory (DSR)* telah digunakan dan keputusan kajian menunjukkan bahawa tahap stres responden adalah tinggi terutama masalah yang berkaitan penyesuaian diri, kewangan serta jangkaan keputusan akademik.

Kajian Walton (2002) bertujuan menentukan sama ada terdapat perbezaan pengamatan terhadap tahap stres dan cara pengedalian stres di kalangan pelajar junior dan senior bagi pelajar bidang khidmat sosial dan kejururawatan. Perbandingan deskriptif dan non-eksperimental telah digunakan dalam kajian ini. Pengukuran demografi, pengamatan tahap stres menggunakan *Cohen's Perceived Stress Scale* dan *Moo's Coping Responses Inventory* telah digunakan bagi mengukur cara pelajar mengendali stres. Hasil kajian mendapati pengamatan pelajar bidang khidmat sosial terhadap stres adalah lebih tinggi berbanding pelajar kejururawatan.

2.3 Kerangka Konsep Kajian

Proses menilai tahap, punca dan simptom stres dalam kalangan pelajar yang mengikuti kegiatan pasukan beruniform amat diperlukan memandangkan tiada lagi kajian yang mengaitkan stres pelajar dengan kegiatan pasukan beruniform. Bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Neraga seorang pelajar perlu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek maka dalam kegiatan pasukan beruniform aspek ini dapat diketengahkan dalam diri pelajar. Oleh itu data tentang kesihatan mental dari aspek stres sangatlah diperlukan. Data yang diperolehi ini akan dapat membantu pihak kementerian menilai kekuatan dan kelemahan pelajar dalam memantapkan aktiviti kokurikulum pelajar bagi membentuk modal insan yang berdaya saing.


Untuk kajian ini, tumpuan diberi secara khusus bagi mengenal pasti tahap, punca dan simptom stres dikalangan pelajar yang mengikuti pasukan beruniform. Secara khusus kajian ini mengenal pasti tentang tahap stres pelajar yang telah dibahagikan kepada lima tahap iaitu sangat rendah, rendah, normal, tinggi dan sangat tinggi. Tahap stres pelajar dilihat sebagai pemboleh ubah bersandar kepada faktor punca dan simptom stres. Pemboleh ubah bersandar juga memainkan peranan yang penting bagi melihat profil stres dari faktor gaya hidup, kewangan, personaliti, spiritual, peristiwa hidup dan persekitaran. Selain daripada pemboleh ubah ketiga adalah symptom stres yang dikesan bergantung kepada faktor fizikal, emosi, tingkah laku, kognitif dan spiritual. Pengukuran profil tahap, punca dan simptom stres pelajar juga dinilai dari aspek pemboleh ubah tidak bersandar iaitu faktor-faktor demografi. Faktor demografi yang diambil kira di dalam kajian ini ialah umur, jantina, jenis keanggotaan badan beruniform dan pencapaian akademik. Kerangka konsep seperti Rajah 2.1

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini tertumpu kepada tiga (3) buah politeknik di Selangor iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam dan Politeknik Banting yang terlibat dalam aktiviti pasukan beruniform seperti PISPA, RELASIS dan PLUS TLDM. Data diperolehi melalui soalselidik yang ditadbirkan ke atas 225 orang pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform yakni 75 orang pelajar daripada pasukan PISPA, 75 orang daripada pasukan RELASIS dan 75 orang daripada pasukan PLUS TLDM. Jumlah respon yang dipilih adalah berdasarkan senarai daftar pelajar dalam pasukan beruniform.

Soal selidik telah diadaptasi dari soal selidik Maslach Burnout Inventory (MBI) sesuai dengan persekitaran kehidupan sebagai seorang pelajar. Soal selidik ini mengandungi 22 soalan dengan menggunakan skala likert sedia ada dari soal selidik MBI. Soal selidik MBI diguna pakai

kerana ia telah mempunyai modul lengkap untuk menguji tahap stres. Soalan dalam soal selidik ini terbahagi kepada bahagian A dan bahagian B, iaitu bahagian A mengandungi latar belakang responden dan bahagian B terdiri dari soalan-soalan yang berkaitan dengan aspek yang berkaitan dengan emosi responden untuk menilai tahap stres yang mereka alami. Pengkaji akan menganalisis data kajian yang telah diperolehi dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif pengisian SPSS, untuk tujuan membuat interpretasi dan generalisasi terhadap data mentah.



Sumber: Teori stress oleh Selye (1975), Model stress and control Bloma (2000).

Rajah 2.1 Kerangka konsep kajian

4.0 Perbincangan Dan Kesimpulan

Kajian awal ini diharapkan akan mendorong pengkaji untuk mengkaji bagaimana pelajar menguruskan tekanan emosi yang mereka hadapi ketika terlibat dalam pasukan beruniform sepanjang mereka berada di politeknik. Pengetahuan mengenai perbezaan stres yang positif dan negatif dalam kehidupan seharian pelajar serta mengenalpasti punca-punca stres dalam jangkamasa pendek dan panjang.

Ini berkemungkinan boleh memberi nilai tambah kepada pihak-pihak berauthoriti meningkatkan kualita dan penambahbaikan dalam pasukan beruniform. Oleh yang demikian langkah pencegahan hasil kajian dapat membantu pelajar menjadi pelajar yang lebih berketerampilan dan holistik.

Hasil kajian juga nanti pengkaji akan membincangkan intervensi-intervensi yang boleh diambil untuk membantu pelajar yang terlibat dalam pasukan beruniform. Hasil dapatan kajian ini akan dapat mengenalpasti elemen-elemen dalam pasukan beruniform itu boleh membantu pelajar dalam pengurusan stres. Misalnya pelajar boleh menggunakan "Teknik Bersedia" yang digunakan dalam psikologi juga didapati boleh diaplikasikan dalam pasukan beruniform. Dimana pelajar diajar bagaimana sentiasa bersedia dalam menghadapi apa jua kemungkinan yang berlaku. Mereka dide dahukan secara fizikal dan mental dalam modul-modul latihan yang mereka perolehi.

Maka secara tidak langsung penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform membantu pelajar dalam menguruskan tekanan yang mereka hadapi sepanjang mereka berada di politeknik. Keseimbangan kecerdasan fizikal dan emosi dalam pasukan beruniform dapat membantu melahirkan graduat yang berketerampilan dan holistik.

RUJUKAN

- Chai Ming Sing, Mohamed Fadzil Che Din and Lily Mastura Hj. Harun, (2004). Level of Psychological Stress Among College Student in Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling*.
- Ghafar, M. n. (2007). Intervensi Pembangunan Organisasi Pendidikan. *Skudai: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Lee, D., & Yum, S. (2005). A Qualitative Assessment of Personal and Academic Stressor Among Korean College Students: An Exploratory Study. *College Student Journal*, 39(3), 442-448.
- Lei & Simon. (n.d.). Variation In Study Patterns Among College Student : A Review of Literature . *College Student Journal*, , Vol, 49 , Issue 2 .
- Lei, Simon A. (2015). Variaton In Study Patterns Among College Students: A Review of Literature. *College Student Journal* , , Vol, 49, Issue 2.
- M. Thawabieh, D., & M. Qaisy, D. (2012). Assessing Stress among University Students. *American international journal Of Contemporary Research*, 2 (2), 110-116.
- Mahfar, M., Zaini, F., & Nordin, N. (2007). Analisis faktor penyebab stres di kalangan pelajar. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 63-72.

- Phaik, O. Y. (2002). Stress and Anxiety Among Engineering Student and Non-Engineering Student at UTM. *UTM : Tesis sarjana*.
- Qin, H., & Piao, T. (2011). Dispositional optimism and life satisfaction of Chinese and Japanese College student: Examining the mediating effects of affect and coping efficacy. *Chinese Journal of Clinical Psychology*, 19(2), 259-261.
- Ringo. (1990). Introduction to industrial/organization psychology'. *A devision of Scott, Glenview, Illinois*.
- Ooi Yoon Phaik, (2002). Stres and Anxiety Among Engineering Students and Non-Engineering Students at UTM. *UTM : Tesis Sarjana*.
- Sing, C. M., Mohamed Fadzil, C., & Lily Mastura, H. (2004). Level of Psychological Stress Among College Student in Malaysia. *Seminar Kaunseling*. UUM.
- Sipon, S. (2001). Stres dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Buletin Psikologi*, pp. 15-17.
- Siti Zaleha, A. (2005). Tekanan di kalangan pelajar antarabangsa: tahap tekanan dan daya tindakan pelajar di IPT Malaysia. *UKM : Tesis sarjana*.
- Towbes, L. C. (1996). Chronic Stress in the Lives of Coolege Students : Scale Development and Prospective Prediction of Distress. *Kournal of Youth & Adolescence*, 199-217.
- Walton, R. (2002). A Comparison of Perceived Stres Level and Coping Styles of Junior and Senior Student in Nursing abd Sosial Work Program. *Dissertation*. Marshall University.
- Yahya, A. S. (2005). *Mengurus hal Ehwal pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN KOMUNIKASI BIMBINGAN DALAM ORGANISASI PENDIDIKAN DI MALAYSIA

LING YING LEH
ABDUL GHANI KANESAN ABDULLAH
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan sifat psikometrik bagi instrumen komunikasi bimbingan yang telah diadaptasi dan digunakan berdasarkan keunikan budaya persekitaran kerja dalam organisasi pendidikan di Malaysia. Sejumlah 13 item terjemahan telah diadaptasi daripada instrumen asal komunikasi bimbingan yang dibangunkan oleh Heslin, Vandewalle, dan Latham (2006) untuk tujuan kajian ini. Seramai 251 orang pensyarah dari empat buah politeknik di Sarawak dan Pulau Pinang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Hasil kajian telah menunjukkan tiga faktor telah muncul semula melalui analisis faktor yang dijalankan ke atas data yang dikumpul. Ini telah menjelaskan 88.0 peratus daripada varians keseluruhan. Sehubungan itu, nilai kebolehpercayaan bagi instrumen komunikasi bimbingan versi terjemahan adalah sebanyak 0.978 mewakili ketiga-tiga faktor dengan baik sepertimana versi asal instrumen Heslin et al. (2006). Ini telah menyediakan justifikasi yang kukuh terhadap penggunaan instrumen ini dalam organisasi pendidikan di Malaysia. Secara praktikal, dapatkan kajian ini telah mengukuhkan sokongan organisasi dalam menggunakan praktis komunikasi bimbingan untuk meningkatkan potensi pengikutnya.

Kata Kunci: Komunikasi bimbingan, organisasi pendidikan

PENGENALAN

Terdapat tanda-tanda penerimaan yang semakin meningkat di peringkat antarabangsa di mana reformasi pendidikan secara besar-besaran diperlukan untuk menghadapi cabaran pada abad ke-21. Model-model pendidikan konvensional yang sedia ada berfokuskan hasil pembelajaran telah mula dipersoalkan. Ini kerana dunia kini memerlukan pendekatan yang holistik untuk pendidikan abad ke-21 walaupun pencapaian akademik pelajar masih dan perlu kekal sebagai aspek yang penting dalam pendidikan. Maka, dalam melahirkan modal insan yang dilengkapi dengan kualiti kemahiran dan kecekapan dalam menghadapi gelombang dunia yang semakin pesat dan mencabar, organisasi pendidikan perlu memainkan peranan dengan sepenuhnya.

Pendidikan abad ke-21 dalam organisasi pendidikan perlu menekankan penyaluran maklum balas kepada tenaga pengajar. Maklum balas yang disampaikan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan efikasi kendiri pengajaran. Kajian Kopelman (1986) ke atas 72 kajian eksperimen kawalan terhadap maklum balas tugas telah melaporkan maklum balas tugas meningkatkan tingkah laku kerja dalam 68 kajian yang telah dikenal pasti. Ini menunjukkan maklum balas mengandungi elemen-elemen yang menyokong pembelajaran dan lebih cenderung untuk meningkatkan prestasi secara ketara (Shea & Howell, 1999). Oleh itu, medium penyampaian maklum balas perlu diwujudkan oleh pemimpin untuk menjana situasi psikologikal yang positif dalam organisasinya. Ini selari dengan pendapat Shamir, House, dan Arthur (1993) di mana situasi psikologikal yang negatif berlaku apabila tiada maklum balas disalurkan dalam organisasi.

Dalam menghadapi perubahan personal dan pembelajaran pada hari ini, bimbingan telah dipersetujui oleh pelbagai pihak sebagai mekanisme berkesan. Whitmore (2002) telah menjelaskan bimbingan berjaya memperkasakan potensi individu. Dalam erti kata lain, bimbingan berperanan